



**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(UniSHAMS)**

KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN

TAWARAN SEBUT HARGA

**MENYEDIAKAN KHIDMAT JURUFOTO RASMI SEMPENA ISTIADAT
KONVOKESYEN KALI KE-25**

1. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) adalah sebuah institusi pengajian tinggi milik penuh kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. UniSHAMS dijadual akan mengadakan Istiadat Konvokesyen Kali Ke-25 pada 15 & 16 Oktober 2023. Dianggarkan seramai 1000 ke 1200 graduan akan menghadiri istiadat konvokesyen tersebut yang bakal disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah selaku Canselor UniSHAMS.
2. Tawaran ini dibuka kepada individu atau syarikat yang memiliki pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah, mempunyai kepakaran dan kelayakan untuk **MENYEDIAKAN KHIDMAT JURUFOTO RASMI SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-25 UniSHAMS.**

SKOP KERJA

Individu/ syarikat yang terpilih dikehendaki:

1. Menyediakan satu set gambar (dari sudut yang berbeza) bagi setiap graduan yang mengandungi:

Cadangan Pakej:

- 1 x 11R – Berbentuk *portrait*
 - 1 x 8R (8' x 10') – Berbentuk *landscape*
 - 1 x 5R – berbentuk *portrait*
 - Sekeping CD Salinan bagi gambar-gambar tersebut di atas
 - Menyerah / menghantar gambar-gambar tersebut kepada para graduan (sehari selepas Istiadat konvokesyen)
2. Membuat liputan keseluruhan majlis termasuk jamuan Santapan Diraja dan sesi fotografi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah bersama tetamu VVIP.
 3. Menyerahkan salinan 'softcopy' semua gambar yang dirakam kepada Unit Dokumentasi, Unit Komunikasi Korporat.

SYARAT PERMOHONAN

1. Individu / syarikat dikehendaki menghantar kertas cadangan ringkas (proposal) yang mempunyai:
 - I. Profil individu / syarikat
 - II. Tawaran harga bagi setiap pakej yang dicadangkan (harga atas setiap graduan)
 - III. Beberapa contoh gambar konvokesyen yang pernah diambil.
2. Permohonan / proposal hendaklah dihantar sebelum atau pada **09 Julai 2023** secara serahan tangan atau diemailkan kepada corporatecomm@unishams.edu.my.

Jawatankuasa Fotografi, Promosi & Hebahan

Istiadat Konvokesyen Ke-25

Unit Komunikasi Korporat

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

09300 Kuala Ketil, Kedah.

Tel: 04-4155000 ext: 5085 / 013-4841167